

# Rosmah mahu FACE unggul

**Serdang:** Datin Seri Rosmah Mansor mahu Pusat Penyelidikan Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak (FACE), Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi pusat penyelidikan unggul untuk meningkatkan kecemerlangan generasi muda negara.

Isteri Perdana Menteri berkata, kerjasama FACE juga penting dalam meningkatkan program pendidikan dan kaedah pengajaran sesuai bagi Permata Negara, termasuk pakej melatih pendidik projek berkenaan dengan amalan pengajaran terbaik.

Beliau yang juga Penaung Permata Negara, berkata selain menghasilkan penyelidikan yang mem-

bantu meningkatkan kecemerlangan kanak-kanak, remaja dan keluarga, pusat berkenaan turut memantau perkembangan anak dari peringkat bayi hingga remaja.

## Pendedahan awal beri impak

“Saya percaya pendedahan dari seawal usia akan memberi impak kepada perkembangan kanak-kanak dari segi kognitif, kemahiran sosial, pertuturan dan bahasa sehingga mereka dewasa,” katanya ketika merasmikan FACE serentak perasmian TASKA Permata UPM, di sini semalam.

Rosmah berkata, dengan adanya Face, budaya penyelidikan

saintifik mengenai perkembangan kanak-kanak, remaja dan institusi keluarga dapat menjana ilmu baru, sekali gus memberi manfaat kepada masyarakat sebagai pusat rujukan serta penggubalan dasar negara.

Sejak 2010, katanya, 1,711 peserta mengikuti Kursus Pendidik Permata Negara, 582 mengikuti Kursus Orientasi, Kursus Refresher Pendidik, Bengkel Pengurusan SOP dan Bengkel Pengurusan Murid, manakala 200 jurulatih Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak akan dilatih UPM sebagai persediaan penggunaan kurikulum Permata Negara sepenuhnya pada 2013.